

27 MAC 2018

Pengedar dadah ditahan, pistol dirampas

Pengedar dadah ditahan, pistol dirampas

KOTA BHARU - Polis Kelantan terus tangkas membanteras jenayah pemilikan senjata api dengan merampas sepucuk Revolver dan menahan tiga pengedar dadah dalam serbuan di Batu Gajah, Tanah Merah, Rabu lalu.

Serbuan jam 1.20 petang itu, turut menemukan 9,200 pil kuda bernilai RM92,070. Dadah dalam bungkus plastik biru disorokkan di bawah sebuah wakaf di sawah padi tempat mereka berkumpul.

Timbalan Ketua Polis Kelantan, Datuk Din Ahmad berkata, serbuan dilakukan sepasukan anggota Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Tanah Merah dan Unit Risikan Batalion 8 Pasukan Gerakan Am di kawasan sawah padi Kampung Bendang Keladi.

"Ketika risikan, 'malaun-malaun' (penjenayah) ini iaitu suspek utama berusia 34 tahun bersama dua rakan masing-masing berusia 42 dan 33 tahun dilihat sedang mengadakan perbincangan.

"Polis menyerbu, namun mereka melarikan diri, tetapi berjaya menahan selepas berlaku pergelutan. Pemeriksaan tubuh badan ke atas suspek utama menjumpai pistol Smith&Wesson bersama enam peluru terselit di pinggang-

nya," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati suspek utama mengaku pistol itu miliknya yang diperoleh dari negara jiran bertujuan melindungi diri kerana dipercayai terbabit dalam kegiatan dadah.

"Suspek utama mempunyai sembilan rekod lampau; suspek kedua, tiga rekod dan suspek ketiga pula ada 13 rekod termasuk dadah dan samun bersenjata api.

"Suspek dipercayai baharu sahaja memperoleh bekalan dadah itu untuk dijual kepada penagih sekitar RM10 sebiji," katanya.

Katanya, rampasan terbaharu itu menjadikan jumlah pistol yang dirampas antara Januari hingga sekarang berjumlah 12 pucuk.



Din (tiga, kanan) menunjukkan pistol yang dirampas daripada suspek di kawasan sawah padi.